

# Pakar saran nilai semula SOP jika jangkitan melonjak

Pelbagai pihak gusar terhadap dua subvarian Omicron mampu menular cepat

Oleh Luqman Arif Abdul Karim  
luqman.arif@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Penilaian semula prosedur operasi standard (SOP) perlu dibuat sekiranya pembukaan sempadan mencetuskan peningkatan kes secara ketara yang berkemungkinan berpunca daripada dua subvarian Omicron.

Pakar epidemiologi dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Malina Osman, berkata perkembangan semasa wabak COVID-19 di beberapa negara, khususnya China yang kini berdepan lonjakan kes wajar terus diperhalusi.

Katanya, ia kerana pelbagai pihak membangkitkan kegusaran terhadap subvarian Omicron, iaitu BA.1 dan BA.2 yang dikenal pasti mempunyai kemampuan untuk menular pada kadar lebih cepat.

"Secara keseluruhan, sejak kelonggaran SOP diberikan pada Oktober tahun lalu secara berperingkat, kita lihat kes COVID-19 di Malaysia merekodkan pola penurunan.

"Ini termasuk petunjuk penting seperti kadar kemasukan ke unit rawatan rapi (ICU), hospital dan penggunaan katil yang di luar zon bahaya, manakala kadar kematian mencatatkan

pola mendarat.

"Penurunan dan kejayaan mengawal kadar jangkitan ini adalah hasil daripada liputan vaksin, meskipun wujud risiko penularan subvarian Omicron.

"Justeru, jika mengikut pengiraan dalam tempoh lima bulan sejak kelonggaran diberikan secara berperingkat, kita mampu menarik nafas lega kerana tiada lonjakan kes yang membimbangkan dan di luar kemampuan perkhidmatan kesihatan awam," katanya kepada *BH*, semalam.

Selepas lebih dua tahun bergejut memerangi wabak COVID-19, Malaysia mengumumkan keputusan fasa peralihan ke endemik, dengan sempadan negara kembali dibuka berkuat kuasa Jumaat lalu.

Susulan pengumuman itu, beberapa kelonggaran diberikan seperti tidak perlu menjalani kuarentin wajib kepada pengembara luar yang mempunyai rekod suntikan imunisasi lengkap COVID-19.

“Penurunan dan kejayaan mengawal kadar jangkitan ini adalah hasil daripada liputan vaksin, meskipun wujud risiko penularan subvarian Omicron”

**Dr Malina Osman,**  
Pakar epidemiologi UPM



Bagaimanapun, setiap pengembara berusia tujuh tahun ke atas dikehendaki melakukan ujian Transkripsi Terbalik Reaksi Rantai Polimerase (RT-PCR) dua hari sebelum berlepas, manakala bekas pesakit COVID-19 yang dijangkiti dalam tempoh enam hingga 60 hari sebelum berlepas hanya perlu menjalani saringan kit ujian pantas (RTK) antigen secara profesional.

Malina berkata, sebarang gelombang penularan jangkitan COVID-19 berikutan pembukaan semula sempadan negara akan dapat dilihat dalam tempoh beberapa minggu akan datang.

Sehubungan itu, katanya, penelitian terhadap minggu epidemiologi dari tarikh pembukaan sempadan, iaitu 1 April bakal memberi gambaran keseluruhan dan menentukan corak kawalan wabak sekiranya perlu berbuat demikian.

"Saya yakin, Kementerian Kesihatan mempunyai langkah tertentu, termasuk 'circuit breaker' (pemutus litar) yang akan dilaksanakan secara bersasar dan tertumpu, bukan meliputi kawasan luar jika wujud peningkatan kes di sesuatu lokaliti.

"Memasuki bulan keenam, April ini sejak kelonggaran berperingkat diberikan, kita perlu tumpukan penilaian risiko kes COVID-19 mengikut asas 'decoupling' atau perkaitan antara peningkatan kes jangkitan dengan petunjuk penting seperti kemasukan ke ICU, kadar kematian, penggunaan katil dan sebagainya.

"Sekiranya pembukaan sempadan mencetuskan peningkatan kes dan perkaitan langsung dengan petunjuk penting, maka kita tiada pilihan selain membuat penilaian semula SOP," katanya.